

# SALING MEMBANTU PACU EKONOMI

**R**AKYAT Malaysia terkenal dengan budaya ke-dermawanan. Dalam kes pelarian Rohingya, kita segera menghulur bantuan. Apabila berlaku malapetaka, kita sering membantu mereka yang memerlukan. Jikalau tiada wang, melalui semangat kesukarelaan kita bekerjasama untuk membina semula kekuatan.

Baru-baru ini, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) berjaya mengumpul RM4 juta untuk dihulurkan kepada para pelajar kita yang menghadapi masalah kewangan di Mesir. Wang ini disalurkan kepada mereka untuk melangsaikan hutang dengan pihak universiti di sana. Hasilnya, para pelajar ini layak dianugerahi ijazah daripada universiti-universiti berkenaan. Ijazah yang boleh menjamin masa hadapan diri, keluarga, bangsa, agama dan negara.

Ketika di Dewan Malaysia, Perth, Australia baru-baru ini, penulis berjumpa seorang pelajar dalam bidang farmasi dari Universiti Teknologi Curtin. Dia sudah beberapa tahun di sana dan biasiswanya sudah ditamatkan pihak kerajaan. Dia yang kini di tahun akhir mengambil upah mencuci rumah dan pejabat pada awal pagi sebelum ke kuliah. Jika ada kelapangan, dia menjemput pelancong Malaysia di lapangan terbang atau mengambil upah membawa mereka bersiar-siar sekitar bandar raya Perth. Ke kebun anggur, ladang strawberi, kilang coklat, kedai cenderamata, menyusuri Sungai Swan, melihat koala dan kanggaru, menonton pertunjukan orang mencukur bulu biri-biri, melawat lombong emas dan sebagainya. Dapatlah sedikit belanja. Namun, adakalanya dia akui rasa putus asa dan seolah-olah mahu sahaja meninggalkan pengajiannya di universiti.

Berdasarkan pengalaman berpuh tahun merantau di luar negara, penulis nasihatkan beliau supaya terus tabah menempuh pancaroba hidup. Apabila berjaya nanti, dengan jerit-perih mencari ilmu, kejayaan yang dinikmati amatlah manis rasanya. Percayalah. Dia akur dan bersyukur. Sebenarnya, ramai lagi pelajar kita di dalam negara dan di merata dunia yang mengalami



**ISMAIL  
OMAR**

masalah sama. Justeru, tabung kekal yang berkaitan perlu diteruskan sepanjang masa.

Namun seperkara yang perlu kita ingat, bahawa memberi kail adalah lebih baik daripada memberi ikan kepada orang miskin. Dengan memberi ikan, orang yang memerlukan berasa lega dan tidak perlu bersusah-payah lagi mencari makanan bagi mengalaskan perut yang kosong. Sedangkan memberi kail bermakna mendidik orang tadi supaya lebih prihatin, berusaha keras dan berdikari untuk meneruskan kehidupan.

Dalam konteks ini, bukan ikan atau kail sahaja yang diperlukan, malahan lebih penting lagi motivasi supaya mendidik dan membolehkan masyarakat berfikir dan mampu berdikari pada masa hadapan. Masalah semasa boleh diselesaikan tetapi masalah pada masa hadapan belum pasti dapat ditangani jikalau kita masih mengharap belas kasihan orang lain selama-lamanya.

Sesungguhnya, sesebuah masyarakat boleh dimajukan apabila mereka mempunyai kesatuan matlamat. Melalui kesatuan, kelompok masyarakat yang berlainan sekalipun boleh dimajukan.

Bertitik-tolak daripada konsep kerjasama ini, pembinaan kereta api berkelajuan tinggi (HSR) telah dijalankan di seluruh dunia. Termasuk di China, Jepun, Taiwan, Jerman, Austria, United Kingdom, Australia dan juga di negara kita. Dengan kerjasama antara Malaysia dengan Singapura, pembinaan HSR dari Kuala Lumpur ke Singapura sedang diusahakan. Bakal menjadi pengganda ekonomi, pembinaan HSR dengan kos RM65 bilion dijangka menokok pendapatan negara sebanyak 10 peratus.

Impak pembinaan HSR ini, selain mempercepatkan tempoh perjalanan, dijangka merangsang pertumbuhan perniagaan dan perdagangan dalam negeri dan juga antara negara. Rangsangan dan impak sosioekonomi telah dikaji



**PEMBINAAN** kereta api berkelajuan tinggi (HSR) di Malaysia boleh menjadi realiti jika setiap lapisan masyarakat mengutamakan semangat bekerjasama dan mempunyai kesatuan matlamat yang sama. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

dengan teliti di beberapa negara termasuklah di United Kingdom, Australia dan Taiwan.

Dalam usaha memacu pembangunan negara, kesatuan matlamat dalam meningkatkan kerjasama antara pelbagai agensi dan kelompok masyarakat perlu diteruskan. Dilaporkan cadangan pembinaan Projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) berpotensi besar merangsang pembangunan infrastruktur negeri-negeri di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Pembinaan ECRL yang bernilai RM55 bilion dijangka meningkatkan infrastruktur, perumahan mampu milik dan pembangunan komersial di Pahang, Kelantan dan Terengganu sebanyak lapan peratus setiap tahun apabila siap pada 2022. Projek ECRL sepanjang 600 kilometer itu menghubungkan Tumpat di Kelantan dengan Pelabuhan Klang.

Sebagai pengganda ekonomi, sistem pengangkutan canggih ini bakal melonjak industri pembinaan dan kejuruteraan sebanyak 10.5 peratus, industri perumahan sehingga 15 peratus dan memperkasa keupayaan syarikat-syarikat tempatan dalam industri berkaitan.

Justeru, projek mega ini bukan sahaja mendorong rakyat untuk berkecimpung dalam industri yang berkaitan, malah membuka pelu-

ang kepada mereka meneroka dan memperkasa keupayaan masing-masing, seterusnya, menyediakan diri untuk melayari dunia global dengan keupayaan sendiri.

Banyak syarikat tempatan yang sudah melibatkan diri di peringkat global. Kita ada syarikat dalam bidang pengangkutan, cari gali minyak dan gas, pembinaan utiliti, tenaga dan sebagainya. Begitu pun, masih terbuka luas untuk kita menceburi bidang perkapalan, pengangkutan udara dan laut, kenderaan darat seperti kereta, lori dan kereta api laju, jentera berat, pertahanan dan ketenteraan dan sebagainya.

Dengan kesungguhan dan kecekalan, tidak mustahil suatu masa nanti kita berjaya menerobos dan menjadi pengeksport kepakaran dalam pelbagai bidang ke peringkat antarabangsa. Sesungguhnya, kita tidak mahu menjadi masyarakat pengguna dan penerima selama-lamanya. Sebaliknya, kita sedang berusaha menjadi masyarakat pembekal dan pemberi di peringkat antarabangsa.

**PROFESOR DR. ISMAIL OMAR** ialah Presiden Pertubuhan Profesional Tanah Malaysia (Pertama) dan pensyarah di Jabatan Pengurusan Harta Tanah, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.